**Iklan terbaru, PR1MA tiada di P. Pinang** MS 3



**Hasil pertanian negeri meningkat** MS 5





**Agilent, 50 tahun di P. Pinang** MS 19

PERCUMA

# buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

1 – 15 JULAI 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Kecualikan GST untuk projek manfaat rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**KEBUN BUNGAH –** Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) yang langsung tidak diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Razak dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) pada 21 Mei lepas menggamit tanda tanya, sama ada skim bantuan baik pulih rumah pangsa rakyat terpilih itu masih diteruskan pada masa depan atau sebaliknya.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, penjelasan itu penting untuk Kerajaan Negeri memandangkan hanya 26 daripada keseluruhan 144 permohonan TP1M baru diluluskan oleh Kerajaan Pusat sejak tahun 2012.

“Kerajaan Persekutuan perlu memberi jawapan yang jelas kerana ini akan memberi kesan yang besar kepada mereka yang mendiami unit perumahan kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR),” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada wartawan, selepas menyertai Majlis Pelancaran Projek Mengecat Dua Blok Flat Padang Tembak di sini baru-baru ini.

ADUN Kebun Bungah, Cheah Kah Peng, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit turut sertai majlis tersebut.

Menurut Jagdeep, RMK-11 yang langsung tidak menyebut mengenai TP1M sekaligus memberi gambaran seolah-olah projek kebajikan yang dijanjikan oleh Kerajaan Pusat itu telah dihentikan.

Jika sedemikian, tambah beliau, proses kelulusan baki 118 permohonan TP1M yang 'dilengahkan' oleh Kerajaan Pusat sendiri seolah-olah mengakibatkan penduduk rumah pangsa berwajib menjadi mangsa pentadbiran Putrajaya.

Ditambah dengan penyusutan nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM) kebelakangan ini, tegasnya, kelewatan Kerajaan Pusat mengakibatkan peruntukan berwajib bertambah menjadi kira-kira RM28 juta, untuk melaksanakan kesemua baki permohonan TP1M di negeri ini.

Sebelum itu, Zairil menasihatkan pentadbiran Najib supaya mengecualikan pelaksanaan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) ke atas projek TP1M, yang jelas tidak berorientasikan keuntungan perniagaan.

Beliau memberitahu, kos mengecat kedua-dua blok rumah pangsa tersebut adalah RM216,240 dan kira-kira RM24,480 terpaksa dibayar atas nama GST.

Justeru, Zairil mempersoal rasional penguatkuasaan GST yang kononnya demi kebaikan rakyat, tetapi dikenakan ke atas projek-projek TP1M yang jelas menyumbang pada manfaat rakyat.

“Kita (kerajaan) sedang melakukan projek untuk rakyat, tetapi belum apa-apa terpaksa membayar GST (kepada Kerajaan Pusat),” ujarnya sambil menyokong langkah Jagdeep menulis surat rasmi menuntut jawapan berwajib daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Kerajaan Persekutuan di negeri ini.

TP1M diperkenalkan pada Januari 2010 dengan Kerajaan Pusat menyediakan 90 peratus peruntukan penyelenggaraan KR atau 70 peratus KSR, manakala baki ditanggung oleh badan pengurusan projek (JMB) atau persatuan penduduk.

Lanjutan itu, pentadbiran Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan pelaksanaan HAPPY! atau Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang, demi membiayai baki kos yang sepatutnya ditanggung oleh JMB atau persatuan penduduk.

Pun begitu, sebanyak 188 permohonan TP1M berbaki tidak dapat dilaksanakan disebabkan tiada kelulusan berwajib daripada Kerajaan Pusat, sehinggalah Jagdeep membangkitkan isu RMK-11 tidak menyebut mengenai projek kebajikan berkaitan baru-baru ini.

# *Transformers* 'beraya' di P. Pinang mulai 10 Julai

Gambar : **LAW SUUN TING**



**DUA model *Transformers* yang bakal menemui peminat di Padang Kota Lama sempena Aidilfitri ini.**

**GEORGE TOWN** - Replika '*Optimus Prime*' dan '*Bumblebee*' dalam filem *Transformers* akan dipamerkan secara terbuka di Padang Kota Lama di sini menjelang perayaan Aidilfitri nanti.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pameran selama hampir dua bulan mulai 10 Julai hingga 17 September depan diharap menarik lebih ramai pelancong, khususnya kanak-kanak ke negeri ini.

"Ini, adalah pameran mega pertama yang diadakan serta terbuka, tidak pernah ada penganjuran pameran *Transformers* seumpama ini di Asia Tenggara.

"Tentunya dengan penganjuran yang diadakan menjelang Aidilfitri, ia akan bertambah meriah khususnya untuk kanak-kanak dan mereka yang begitu meminati filem *Transformers*," jelas Guan Eng kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Katanya, Kerajaan Negeri bersetuju dengan konsep pameran tersebut antara lain demi mempromosi kempen Tahun Melawat Pulau Pinang dan Tahun Melawat Malaysia 2015.



**(Depan, dari kanan), ZAIRIL Khir Johari, Jagdeep Singh Deo dan Cheah Kah Peng menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Pelancaran Projek Mengecat Dua Blok Flat Padang Tembak di sini baru-baru ini.**

# Pusat Pembelajaran Kreatif harap beri impak berkesan masa depan negeri



**MAJIMOR Shariff (depan, dua dari kiri) beramah-mesra dengan salah seorang kanak-kanak pada Majlis Pelancaran Pusat Pembelajaran Kreatif dan The Nursery Book Stories di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dan kumpulan pengurusan tadika, *Whyte House Education Group* (Whyte House) bekerjasama mewujudkan Pusat Pembelajaran Kreatif bagi kepentingan pembelajaran golongan kanak-kanak di Perpustakaan Kanak-kanak di sini baru-baru ini.

Pengerusi Whyte House, Jerry Yeoh berkata, pusat berkaitan bukan hanya menfokuskan kepada akademik semata-mata, bahkan lebih kepada pembelajaran seharian.

"Ia diwujudkan bagi meningkatkan keupayaan kanak-kanak berfikir dengan matang dan kreatif mengikut perkembangan usia masing-masing. Ini kerana, pada usia sebelum seseorang kanak-kanak memasuki alam persekolahan, mereka adalah gemar menjalankan eksperimen bagi mengetahui 'kebenaran' sesuatu perkara.

"Kerap kali ibu bapa bertanya kepada saya, apa yang selalu saya ajar kepada golongan kanak-kanak?

"Saya menegaskan bahawa saya mengajar perkara asas seperti A, B, C dan 1, 2, 3 seperti biasa, namun lebih menekankan aspek kreativiti dalam mengembangkan minda mereka kerana pada usia berkaitan, mereka masih tidak perlu 'dipaksa'," ucapnya pada Majlis Pelancaran Pusat Pembelajaran Kreatif dan The Nursery Book Stories di sini baru-baru ini.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh isteri kepada Yang di-Pertua Negeri (TYT), Toh Puan Majimor Shariff.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy selaku Pengerusi PPAPP.

Malah, majlis berkaitan turut diserikan dengan kepelbagaian persembahan kanak-kanak seperti teater, nyanyian, bercerita dan tarian.

Dalam pada itu, Ramasamy berharap pusat pembelajaran berkaitan dapat memberi impak berkesan kepada masa depan pendidikan di Pulau Pinang.

"Pembelajaran merupakan strategi penting dalam membina masa depan negeri (Pulau Pinang) yang lebih baik yang mana ia adalah bermula dari aset berharga iaitu golongan kanak-kanak," ujar beliau.




**ANTARA persembahan menarik yang dipersembahkan.**

# Inovasi mampu jadikan JKSNPP 'jabatan pintar' contoh – TKMI

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM** – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, inovasi berterusan dalam meningkatkan mutu pelanggan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) sekaligus mampu menjadikan ia sebagai 'jabatan pintar' untuk dicontohi oleh agensi-agensi kerajaan lain.

Beliau berkata demikian semasa mengulas mengenai kejayaan JKSNPP menawarkan E-SIAP atau *E-Shariah Instant Access Procedure* yang berjaya meraih Anugerah Emas dalam pertandingan Mini Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara pada 1 April lalu.

"Dengan kewujudan E-SIAP ini, kes-kes persetujuan bersama di Mahkamah dapat diselesaikan dalam tempoh satu hari bermula dari proses penyediaan pliding, pendaftaran kes, sehinggalah pengeluaran Perintah Mahkamah, sesuai dengan motonya 'Hari Ini Setuju, Hari Ini Selesai'," katanya pada Majlis Pelancaran Sistem Elektronik JKSNPP di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Ketua Hakim Mahkamah Syarie di JKSNPP, Y.A.A. Datuk Abdul Walid Abu Hassan turut berucap pada majlis yang dilangsungkan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Utara itu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Datuk Sazali Hussein.

Justeru, Mohd. Rashid berharap, inovasi JKSNPP itu turut berjaya pada pertandingan konvensyen peringkat wilayah yang akan dilangsungkan di Sabah pada bulan Ogos ini.

"Institusi agama dan Mahkamah Syariah harus terkehadapan dalam pengurusan, pentadbiran dan proses khidmat pelanggan kerana semua aspek itu akan menjadi syiar atau lambang keunggulan Islam.

"Kalau berjaya lagi, diharap inovasi JKSM ini boleh mendapat jemputan khas sebagai pemerhati pada saingan peringkat antarabangsa yang dijadualkan berlangsung di Gyeongnam, Korea Selatan pada penghujung tahun ini," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Sebelum itu, Abdul Malik memberitahu, Kerajaan Negeri senantiasa komited dalam memartabatkan Islam di negeri ini, termasuk bersama-sama JKSNPP dalam menangkis pandangan serong masyarakat terhadap institusi kehakiman Syariah di negeri ini.

"Tanggapan masyarakat terhadap Mahkamah Syariah ini kononnya pengurusan terlalu lambat, tempat ikrar penceraian, institusi yang terlalu menyebelah kepentingan kaum lelaki mampu diubah sekiranya usaha memartabat Islam yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, turut digerakkan JKSNPP melalui beberapa projek inovasi berwajib," jelas Abdul Malik yang juga ADUN Batu Maung.

Abdul Walid pula menjelaskan, JKSNPP turut menyediakan beberapa projek inovasi berimpak tinggi lain, seperti *E-DOD, E-STEP, E-CLAIM, E-PBSK, E-PAYMENT, HELPDESK* dan sebagainya.

"Paling menarik adalah E-SIAP, iaitu sistem berimpak tinggi yang menggabungkan sistem sedia ada yang dibangunkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), iaitu *E-Syariah, E-Sulh, E-Bicara* dengan inovasi sistem baru (yang dibangunkan) oleh JKSNPP, iaitu *E-Pliding* dan *E-Judgement*.

"Inovasi yang dilakukan JKSNPP Ini bukan sahaja untuk memastikan JKSM dilihat sebagai *smart department*, malah ini sebagai persediaan untuk penarafan institusi mahkamah Syariah negeri tidak lama lagi (daripada tiga lapisan kepada lima lapisan)," kata Abdul Walid.




**(Dari kiri), ABDUL Malik Abul Kassim, Mohd. Rashid Hasnon, Abdul Walid Abu Hassan dan Sazali Hussein bersama-sama menyempurnakan gimik pelancaran E-SIAP dan beberapa projek inovasi lain pada Majlis Pelancaran Sistem Elektronik JKSNPP di sni baru-baru ini.**

# PBAPP sumbang RM2 juta lagi, harap Harimau Kumbang ke Liga Super

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) baru-baru ini menerima suntikan dana tambahan RM2 juta daripada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Penyampaian cek tersebut disempurnakan Pengarah Bahagian Hal Ehwal Korporat PBAPP, Joyce Lee Suan Imm di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Presiden FAP, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

Bendahari FAP, Datuk M. Murly dan jurulatih FAP, Jacksen Ferreira Tiago turut sama hadir dalam sidang media tersebut.

Guan Eng dalam pada itu menyifatkan pemberian dana sebanyak RM2 juta adalah tepat pada waktunya dan cukup bermakna terutama ketika umat Islam seluruh dunia meraikan bulan penuh rahmat, bulan Ramadan.

"Beraksi di bulan Ramadan pastinya memberi sedikit cabaran kepada pemain, namun saya percaya ia bukanlah alasan untuk beraksi sambil lewa, malah peminat bola sepak Pulau Pinang tentu mengharapkan skuad Pulau Pinang menyertai Liga Super pada musim hadapan.

"Sebagai rekod, sehingga kini FAP menerima suntikan dana berjumah RM6 juta bagi musim ini, dan kita berharap prestasi permainan dipertingkatkan lagi dan memenuhi jangkaan kita bagi musim hadapan, tiada kompromi," ujar beliau.

Selaras itu, Nazir Ariff berjanji akan memantapkan lagi corak permainan skuad Harimau Kumbang bagi menghadapi saingan peringkat kedua musim ini dengan baki 12 perlawanan lagi.

"Saya pasti kebolehan dan pengalaman jurulatih mampu mengemudi skuad kita ke peringkat seterusnya dan berjanji untuk memberi persembahan terbaik ketika menentang lawan.

"Kita mensasarkan kutipan mata antara 32-34 mata untuk saingan peringkat kedua dan berharap jumlah kutipan mata boleh melayakkan skuad Pulau Pinang ke Liga Super tahun depan," katanya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri dan PBAPP terhadap skuad Harimau Kumbang selama ini.



**KETUA Menteri menyaksikan penyerahan replika cek bernilai RM2 juta daripada Joyce Lee Suan Imm (tiga dari kiri) kepada Jacksen F. Tiago (empat dari kanan) sambil disaksikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan FAP pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Bagi Jacksen, beliau sedia menggalas tanggungjawab untuk mengemudi skuad Pulau Pinang sebaiknya dan meletakkan sasaran menyertai Liga Super sebagai tunggak utama.

"Pemain (skuad Pulau Pinang) semuanya, ketika ini berada dalam keadaan optimum, cergas dan saya pasti mereka mampu bermain dalam keadaan terbaik, malah lebih baik dari perlawanan sebelumnya," katanya yang juga fasih berbahasa Melayu.

Sebagai rekod, daripada 10 perlawanan pusingan pertama, skuad Harimau Kumbang berjaya memenangi lima perlawanan, seri empat perlawanan dan kalah sekali.

# Iklan terbaru Putrajaya, PR1MA tiada lagi di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Pusat baru-baru ini mengumumkan pemajuan 13 projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) untuk dimohon oleh seluruh rakyat Malaysia melalui suatu iklan di akhbar berbahasa Inggeris, *The Sunday Times* bertarikh 21 Jun lepas, tetapi tiada lagi rancangan pembinaan rumah mampu milik di bawah skim tersebut di Pulau Pinang.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dalam kenyataannya melahirkan rasa terkejut dengan layanan dingin Kerajaan Pusat ke atas rakyat Malaysia di negeri ini, yang didakwa berpunca oleh sentimen politik serta perbezaan ideologi kepartian.

"Dalam iklan di akhbar *The Star* pada 26 Oktober 2014, masih disebut PR1MA akan dibina di Bandar Gelugor dan Balik Pulau.

"Dalam surat kepada Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 25 November tahun lepas, Datuk Seri (Dr.) Shahidan Kasim sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri masih menyebut rancangan PRIMA di Pulau Pinang ini dekat Bandar Gelugor, Balik Pulau dan Teluk Kumbar.

"Tetapi, saya terkejut apabila membaca iklan terbaru di *The Sunday Times* (21 Jun 2015) yang tidak lagi menyebut apa-apa (PR1MA) untuk Pulau Pinang, sama seperti pengumuman RMK-11 (Rancangan Malaysia Ke-11)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada wartawan di sini baru-baru ini.




**PERBANDINGAN iklan yang diterbitkan pada 26 Oktober 2014 (atas) dan 21 Jun 2015 (kanan).**

Menurut Jagdeep, pihaknya secara konsisten mengutus kira-kira 10 surat kepada Kerajaan Pusat sejak 20 Oktober 2013 hingga 22 April lepas, agar PR1MA boleh dibina di negeri ini.

Itu, tambahnya, tidak termasuk lagi surat yang diutus oleh Guan Eng kepada Kerajaan Pusat.

"Sejak PR1MA diperkenalkan pada tahun 2012 hingga kini, Pulau Pinang langsung tidak mendapat projek perumahan di bawah skim ini.

"Kalau kita (rakyat Pulau Pinang) tidak membayar cukai kepada Kerajaan Pusat, saya tidak akan minta pun PR1MA, tetapi kita pembayar cukai ketiga tertinggi Malaysia.

"Kalau sektor swasta boleh datang membina perumahan mampu milik di Pulau Pinang, Kerajaan Pusat datanglah ke negeri ini kerana rakyat Pulau Pinang pun adalah rakyat Malaysia yang layak untuk mendapatkan PR1MA," tegas beliau.

Dalam perkembangan berasingan, Jagdeep sekali lagi menggesa pihak bank supaya melonggarkan syarat pinjaman perumahan, demi membolehkan lebih ramai rakyat membeli rumah mampu milik, khususnya kategori rumah kos rendah dan sederhana rendah.

"Kira-kira 70 peratus permohonan (pinjaman perumahan di negeri ini) ditolak oleh bank, ertinya tiap-tiap 10 orang hanya tiga sahaja yang layak.

"Sebenarnya bank tidak berdepan dengan risiko yang besar, kerana harga rumah senantiasa akan meningkat tiap-tiap tahun, jika dijual oleh pembeli pertama selepas tempoh moratorium (penggantungan atau penangguhan sesuatu kegiatan jual beli secara persetujuan bersama)," ujarnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC).

Justeru, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan berbincang sekali lagi dengan para pemaju swasta dan pihak bank pada Sidang Memuncak Hartanah Antarabangsa Pulau Pinang 2015 yang dijadualkan pada bulan Ogos ini demi menangani isu pinjaman perumahan berbangkit tersebut.

# Sekitar bulan Ramadan...

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & DARWINA MOHD. DAUD**



TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada sekumpulan pelajar pada Program Jelajah Sahur TKMI Peringkat Daerah Timur Laut.



ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow (dua dari kanan) 'membantu' salah seorang peniaga memotong bahan-bahan hidangan pasembur ketika mengadakan lawatan ke Bazar Ramadan anjuran Liga Muslim di Tanjung.



BUAH-buahan yang dibungkus rapi.



MURTABAK mini antara menu pilihan ramai untuk berbuka puasa.




ADUN Air Itam. Wong Hon Wai (depan, kanan sekali) menyampaikan sumbangan kurma kepada salah seorang penduduk yang berkunjung ke Bazar Ramadan Kampung Melayu.



SESUATU yang istimewa, kambing golek.



AYAM panggang yang menjadi pilihan ramai.



SEORANG peniaga sedang memproses tebu.



SUP yang pastinya suatu kemestian.



ANTARA gerai yang menjadi tumpuan di Bazar Ramadan Seberang Jaya.

# Pertanian negeri positif, hasil meningkat – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Sektor pertanian, peladangan, penternakan dan perikanan di negeri ini mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2014, berbanding tahun sebelumnya.

Justeru, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan kepada golongan petani, peladang, penternak dan nelayan di negeri ini atas kegigihan mereka menggandakan produktiviti masing-masing.

"Kerajaan Negeri memang memberi peluang kepada semua petani, penternak dan nelayan menceburkan diri untuk memperoleh pendapatan yang berpatutan.

"Kerajaan Negeri amat menghargai sumbangan dan usaha petani, penternak dan nelayan Pulau Pinang dalam membangunkan ekonomi negeri," jelasnya pada Majlis Perasmian AgroFest Pulau Pinang 2015 di Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin turut berucap pada majlis yang dirasmikan Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti).

Menurut Guan Eng, bidang pertanian mencatatkan peningkatan hasil sebanyak RM28,643,966.00 menjadi RM646,142,272 pada tahun 2014, berbanding RM617,498,306 yang diperoleh pada tahun sebelumnya.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2013 pula, jelasnya, meningkat sebanyak 6 peratus menjadi RM62.6 bilion, berbanding RM39.2 yang direkodkan pada tahun 2005.

"Bagi sektor pertanian, KDNK telahpun meningkat dari 1.6 peratus (bagi tahun 2005) kepada 1.9 peratus pada tahun 2013," jelas Guan Eng yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut mengumumkan kesediaan Kerajaan Negeri menambah RM500,000 dana Tabung Usahawan Tani Muda demi membolehkan lebih ramai agropreneur mendapatkan pinjaman modal pertanian tanpa faedah.



DR. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan) beramah-mesra dengan salah seorang pempamer ketika mengadakan lawatan ke gerai-gerai pameran AgroFest Pulau Pinang 2015.



(Dari kiri), FARIZAL Hamidon, L. Muniayappan, Ho Juan Aun dan Loo Choo Gee merupakan antara agropreneur yang terpilih menerima anugerah pada penganjuran AgroFest Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Farizal Hamidon yang memenangi kategori Penternak Jaya Unggas melahirkan rasa syukur atas penghargaan daripada Kerajaan Negeri.

"Ini kali ketiga, selepas mendapat tempat kedua pada tahun 2012 dan tempat pertama pada tahun 2013, dan kali ini sekali lagi dapat (tempat pertama) pada tahun 2015 ini.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan (Jabatan) Veterinar serta beberapa agensi kerajaan yang lain kerana begitu banyak memberikan kerjasama," nyata beliau.

Nada sama turut diluahkan L. Muniayappan, pemenang kali pertama kategori Penternak Jaya Ruminan Besar.

"Ini kali pertama saya dapat, selepas saya menternak lebih 20 ekor lembu di Pantai Acheh (Balik Pulau), saya tak tahu nak kata apa, tapi ini suatu pengiktirafan," jelas beliau melahirkan rasa terharu.

Ho Juan Aun, yang mendapat tempat pertama kali yang ketiga kategori Penternak Jaya Ruminan Kecil turut melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri.

"Ini kali ketiga saya menerima anugerah kategori ternak kambing tenusu, selepas tahun 2011 dan 2013.

"Selepas 10 tahun, lebih kurang 160 ekor saya ternak di Sungai Pinang (Balik Pulau) dan sekarang ini tempat kitapun menjadi salah satu lokasi agro pelancongan...ok lah," ujarnya.

Loo Choo Gee turut melahirkan rasa gembira kerana syarikatnya, CAB Cakaran Sdn. Bhd. memenangi kategori Peserta Pasar Tani Jaya.

"Syarikat kita sudah beroperasi lebih 40 tahun, menyediakan makanan untuk ternakan, (dalam) satu bulan, saya punya produktiviti lebih kurang 1.5 juta ekor ayam ke seluruh negara dan luar negara.

"Ibu pejabat di Butterworth, tetapi ladang kita di seluruh Semenanjung Malaysia.

"Sudah dua tahun kita sertai, tetapi ini kali pertama kita dapat pengiktirafan Kerajaan Negeri," kata Choo Gee.

# MERS-CoV, Exco seru orang ramai ambil langkah jaga-jaga

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Sungguhpun tiada sebarang kes Sindrom Pernafasan Virus Korona Timur Tengah atau *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV) dikesan di Malaysia setakat ini, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tetap mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan wabak itu tidak menular di sini.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan wabak MERS-CoV tidak menular di negara ini memandangkan negara jiran, Thailand menjadi negara terbaharu melaporkan kes pertama wabak berkenaan baru-baru ini selepas Korea Selatan," katanya pada sidang media selepas hadir ke Wad Rawatan Jantung, Hospital Pulau Pinang (HPP) bagi mengedarkan kurma kepada pesakit dan kakitangan di sini sempena Ramadan baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey, Pengarah HPP, Dr. M. Sukumar dan Timbalan Pengarah (Perubatan), Dr. S. Shameni Suna.



ZAIRIL Khir Johari (tiga dari kanan) berjabat tangan dengan salah seorang pesakit sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) sempena lawatan mereka ke Wad Rawatan Jantung HPP bagi mengedarkan kurma kepada pesakit dan kakitangan di sini sempena Ramadan baru-baru ini.



PARA petugas menyusun bungkusan kurma untuk disumbangkan kepada jururawat bertugas.

Afif dalam pada itu turut menasihati orang ramai terutama bakal jemaah umrah dan haji agar sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengelak daripada terkena wabak itu.

"Buat masa ini, pihak Kementerian Kesihatan tidak mengeluarkan sebarang nasihat perjalanan *(travel advisory)* atau larangan lawatan ke negara-negara terlibat.

"Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, saya ingin menasihatkan supaya selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung *(mask)* serta bahan pencuci tangan *(hand sanitizer)* dan elakkan menjamah makanan mentah atau separuh masak terutama semasa dalam tempoh lawatan ke negara terlibat," seru beliau sambil menasihati mereka yang mengalami gejala demam berlarutan agar segera dapatkan rawatan perubatan di klinik-klinik berhampiran.

Tambah beliau, antara gelaja utama dikesan dalam kalangan kes MERS-CoV adalah jangkitan respiratori yang berlaku secara akut dan serius, termasuk demam dan kesukaran bernafas.

"Bagi kebanyakan kes, pesakit akan mengalami radang paru-paru, manakala sebilangan lain mengalami gejala *gastrointestinal* seperti cirit-birit," ujar Afif yang turut meluangkan masa selama sejam di Klinik Kesihatan Jalan Perak bagi mengedarkan kurma kepada pesakit dan kakitangan klinik berkenaan.

Dalam perkembangan berasingan, Afif turut memaklumkan kesediaan Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan KKM bagi membangunkan sebuah bangunan baharu HPP berasingan ekoran kesesakan di bahagian perkhidmatan pesakit luar kini.

"Bangunan baharu yang dicadangkan di Jalan Sepoy Lanes di sini bakal menempatkan wad kanak-kanak dan wanita bagi mengurangkan kesesakan di tapak sedia ada.

"Di peringkat Kerajaan Negeri, kita masih lagi dalam perbincangan tapak dan akan umumkan apabila kata putus dicapai kelak," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

# Nilai ringgit susut tuntut kajian semula had warga asing beli hartanah P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

**SEBERANG JAYA** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, nilai Ringgit Malaysia (RM) yang kian menyusut belakangan ini dikatakan menggandakan dorongan warga asing untuk membeli hartanah di Pulau Pinang.

Justeru katanya, Kerajaan Negeri akan mengkaji garis panduan sedia ada mengenai penguatkuasaan had maksimum pembelian hartanah oleh warganegara asing, yang ditetapkan pada harga RM2 juta di bahagian pulau dan RM1 juta, di Seberang Perai.

"Kami (Kerajaan Negeri) sangat mengambil berat mengenai harga hartanah yang kian melambung, dengan diburukkan lagi oleh pembelian rumah-rumah membabitkan warga asing ekoran pada nilai ringgit yang semakin lemah.

"Jika nilai ringgit kian merosot lagi, pasaran hartanah akan menjadi semakin 'panas' (dalam kalangan pembelian warga asing)," jelasnya pada Majlis Penutup Ekspo Pelaburan & Hartanah 2015 di sini baru-baru ini.

Jagdeep bagaimanapun memberitahu, dorongan warga asing membeli hartanah di negeri ini mestilah tidak sampai menafikan keperluan warganegara untuk membeli hartanah, khususnya rumah mampu milik di negeri ini.

"Walaupun kami (Kerajaan Negeri) percaya bahawa pasaran bebas serta galakan warga asing untuk membeli hartanah di sini (sedang berlaku), ia tidak boleh sampai mengorbankan keperluan penduduk tempatan daripada membeli harta di negeri asal mereka, jika harga hartanah terus meningkat," ujar beliau sambil memberitahu bahawa Kerajaan Negeri senantiasa fokus pada usaha mencukupkan unit rumah mampu milik pelbagai kategori untuk keperluan rakyat.

Pun begitu, Jagdeep memberitahu, kenaikan harga hartanah membabitkan rumah mampu milik yang mewah turut menjejaskan proses pembelian membabitkan warganegara.

Ini kerana, katanya, Kerajaan Negeri begitu mengawal harga rumah kos rendah dan kos sederhana bagi membolehkan penduduk tempatan membeli rumah pertama mereka masing-masing.

Selain itu, tambah Jagdeep, langkah bank mengetatkan syarat permohonan pinjaman perumahan merupakan antara faktor yang mengakibatkan rumah mampu milik yang mewah tidak mampu dimiliki oleh warganegara.

"Pihak bank perlu melonggarkan syarat pinjaman perumahan bukan sahaja untuk pembeli rumah mampu milik, tetapi juga pembeli unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, kerana rakyat pelbagai lapisan masyarakat perlu memiliki rumah sendiri," ujar beliau.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) melawat salah sebuah gerai pameran perumahan pada Majlis Pembukaan Ekspo Pelaburan & Hartanah 2015 di sini baru-baru ini.**

# Anjur seminar demi manfaat penggerak industri

**GEORGE TOWN** – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap penggerak industri tekan tera *(stamping industry)* tempatan dapat menimba lebih banyak pengalaman dengan penyertaan para peneraju, sarjana dan penyelidik terkemuka dari Eropah dalam penganjuran *Penang International Precision Engineering Conference 2015* di sini baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) gembira dengan kehadiran pakar-pakar dalam industri *stamping* dari Jerman, Switzerland dan Singapura dan tidak dilupakan juga anak jati (bernama) Lee Tiong Li dari Amphenol TCS Pulau Pinang, yang saya difahamkan dilahirkan daripada industri tekan tera di Pulau Pinang juga dan di luar negara," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak semasa menyampaikan ucaptama pada seminar di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Rashid, Kerajaan Negeri sentiasa gigih meningkatkan mutu infrastruktur negeri supaya Pulau Pinang terus menjadi destinasi pelaburan pilihan di tanah air ini.

"Dalam Kerajaan Negeri, memang saya ingin melakukan banyak perkara untuk rakyat Pulau Pinang, bukan sahaja dalam bidang pendidikan, malah, untuk meningkatkan produktiviti industri, supaya kita boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

"Seperti persidangan hari ini, adalah inisiatif pejabat saya sendiri untuk rakyat dan jaminan daripada saya bahawa akan ada lagi seminar seumpama ini pada masa akan datang," jelas Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat.

Difahamkan, seminar tersebut antara lain berbincang mengenai corak terkini dalam kejuruteraan jitu tinggi, tekan tera berprestasi tinggi, konsep pembuatan terkini dan sebagainya.

Selain Teong Li yang mengetuai persidangan tersebut, Ketua Pengarah Eksekutif Bruderer AG, Andy Fischer serta rakan sekerjanya, Josef Hafner, Daniel Knohl (Fibro Asia PTD Ltd.), Iris Chan (Pengurus Kanan Pembangunan Perniagaan Wieland Logam Singapura), GesmbH Rainer Tatic (Jurutera Jualan bagi Stanzbiegetechnik), Ekkehard Fluck (Pengurus Akaun Otto Vision Technology) dan Thomas Heger (Pengurus Pemasaran Noxon Automation) turut menyertai persidangan antarabangsa tersebut.




**MOHD. Rashid Hasnon (lima dari kiri) merakamkan gambar bersama-sama para tetamu utama selepas menyampaikan ucapan penganjuran *Penang International Precision Engineering Conference 2015* di sini baru-baru ini.**

# Pilih P. Pinang bertepatan matlamat Hilton

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**




**JASON Chong (dua dari kiri) dan Guy Philips (dua dari kanan) saling bertukar-tukar memorandum persefahaman sambil disaksikan Ketua Menteri dan tetamu jemputan lain pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman, Pengumuman Rasmi dan Sidang Media DoubleTree Resort by Hilton di Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



**LAKARAN artis rupa bentuk *DoubleTree Resort by Hilton* di Pulau Pinang.**



**SUASANA segar ruang riadah santai *DoubleTree Resort by Hilton* di Pulau Pinang.**

**GEORGE TOWN** – *Hilton Worldwide* (Hilton), sebuah syarikat hospitaliti antarabangsa berpangkalan di Amerika Syarikat baru-baru ini mengumumkan pembukaan resort pertamanya, *DoubleTree Resort by Hilton* di Pulau Pinang tahun hadapan.

Perkara itu sekali lagi diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman, Pengumuman Rasmi dan Sidang Media DoubleTree Resort by Hilton di Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

"Pulau Pinang amat berbesar hati apabila dipilih untuk menjadi lokasi pembukaan resort pertama Hilton di sini dan ia merupakan perkembangan yang positif bagi industri pelancongan negeri ini.

"Umum mengetahui, industri pelancongan di negeri ini telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan ia dijangka akan terus berkembang pesat dengan adanya rangkaian hotel Hilton di negeri ini serta mengukuhkan lagi nama baik serta jenama gergasi perhotelan itu di sini," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Pengarah Teddy Ville Capital Sdn. Bhd., Tony Ch'ng dan Penasihat kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Datuk Daljit Singh Dalliwal.

Turut sama, Ketua Pegawai Eksekutif Cornerstone Partners Sdn. Bhd. (Cornerstone), Jason Chong dan Naib Presiden *Hilton Worldwide* (Asia), Guy Philips.

Tambah Guan Eng, *DoubleTree Resort by Hilton* di Pulau Pinang akan menampilkan kelainan dan daya tarikan baharu, berbeza dari rangkaian hotel Hilton sedia ada.

"Salah satunya, muzium anak patung beruang atau *teddy bear museum* dikenali, *Teddy Ville*, sebuah galeri bertema yang akan dibangunkan dalam bangunan resort itu sendiri.

"Dan pastinya ia akan menjadi tarikan utama dan trademark setiap kali pengunjung datang ke Pulau Pinang," ujarnya.

Dalam pada itu, Jason memberitahu, pihaknya positif untuk mencapai kadar penghunian antara 60 hingga 65 peratus dalam tahun pertama pengoperasiannya.

"Kami yakin, usahasama yang dicapai antara Pinnacle Nexus Sdn. Bhd. (rakan niaga *Cornerstone)* dan *Hilton Worldwide* membuktikan komitmen kami untuk menarik lebih banyak kemasukan pelancong ke Pulau Pinang sekaligus menjadi nilai tambah buat Hilton dalam mengukuhkan jenamanya di Malaysia," jelas beliau.

Bagi Philips, pembukaan *DoubleTree Resort by Hilton* di Pulau Pinang menunjukkan kesungguhan Hilton dalam menawarkan lebih banyak pilihan buat pengunjung di dan ke negeri ini dengan layanan bertaraf antarabangsa empat bintang.

"Pulau Pinang merupakan antara pusat ekonomi terkemuka di Malaysia dengan tawaran perkhidmatan bertaraf dunia dan kami percaya pemilihan Pulau Pinang adalah bertepatan dan selari dengan matlamat Hilton sebagai peneraju hospitaliti global," katanya.

*DoubleTree Resort by Hilton* di Pulau Pinang akan dibangunkan di tapak Hotel Hydro Majestic, Batu Ferringghi dan akan menjalani pengubahsuaian yang terperinci termasuk penyediaan kawasan awam, 318 unit bilik dan suite dilengkapi konsep sistem dwi-kunci, tiga buah restoran, bar, lobi, kafe, bilik pelbagai fungsi, ruang riadah santai dan muzium bertema, *Teddy Ville*.

Projek bernilai RM230 juta berkenaan dijangka siap menjelang hujung tahun ini dan akan dibuka kepada umum pada suku pertama tahun 2016.

# AG meterai dwi perjanjian bangun Batu Kawan




**(Dari kiri), JOHN Northen, Ong Eng Bin, Jagdeep Singh Deo, Ketua Menteri, Abdul Malik Abul Kassim, Nazir Ariff Mushir Ariff dan Mohd. Rashid Hasnon melihat model bangunan bagi pembangunan *Verve* di Batu Kawan sejurus selepas Majlis Menandatangani Dwi Perjanjian bersama OCBC dan Columbia Asia di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – *Aspen Group* (AG) melalui anak syarikat Aspen Vision City Sdn. Bhd. baru-baru ini memeterai perjanjian pinjaman berjumlah RM196 juta dengan OCBC Bank (Malaysia) Berhad (OCBC) bagi membiayai pembangunan fasa pertama daripada keseluruhan projek *Aspen Vision City* di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS) yang dianggarkan bernilai berbilion ringgit.

Perjanjian yang menetapkan pinjaman berjangka bagi pembelian tanah dan pinjaman penyambungan untuk pembinaan pembangunan *Aspen Vision City* atau dikenali sebagai *Verve* tersebut bakal meliputi 35 ekar kawasan berpagar dengan 441 unit kedai dan pejabat bagi tujuan komersil serta perniagaan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AG, Datuk M. Murly, kerja-kerja tanah fasa pertama telah dijalankan pada Mei lalu dan dijangka siap pada tahun 2018 bersama-sama dengan Ikea iaitu sebuah syarikat multinasional dan peruncit perabot terbesar di dunia, bagi wilayah utara tanahair.

"Sebelum ini, kami (AG) telah bersetuju untuk menjalinkan usahasama dengan Ikano Pte. Limited (Ikano) bagi pembangunan Ikea di Aspen Vision City dan kini usahasama ini dikukuhkan lagi dengan memeterai satu lagi perjanjian bersama OCBC.

"Bagi pembangunan *Verve*, kami (AG) mensasarkan untuk memulakan kerja-kerja pembinaan fasa pertama menjelang akhir tahun ini dan dijadualkan siap pada 2018. Manakala, sasaran untuk melengkapkan keseluruhan projek pembangunan bercampur yang meliputi 245 ekar di Bandar Cassia ini adalah pada tahun 2025.

"Pastinya, kami (AG) bersedia untuk menjadi bandar satelit bersepadu, paling moden dan strategik di Malaysia apabila kesemua projek pembangunan siap kelak," katanya kepada pemberita pada Majlis Menandatangani Dwi Perjanjian bersama OCBC dan Columbia Asia Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

Y.A.B Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng dan Pengerusi AG yang juga merupakan Pengarah Eksekutif AG, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff hadir menyaksikan majlis pemeteraian tersebut.

Turut sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan).

Pengarah Urusan Ikano, Christian Rojkjaer, Ketua Pegawai Eksekutif OCBC, Ong Eng Bin dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Columbia Asia, John Northen turut sama pada majlis bersejarah itu.

Dalam majlis sama, Columbia Asia Sdn. Bhd. (Columbia Asia) juga memeterai perjanjian pembelian dan pembangunan Hospital Columbia Asia iaitu rangkaian hospital di Asia di Batu Kawan bersama AG.

Melalui perjanjian tersebut, Columbia Asia bersetuju untuk melabur sejumlah RM185 juta bagi pembinaan dan pengendalian hospital pertamanya di Batu Kawan di atas tanah berkeluasan 1.2 hektar.

Ketua Pegawai Eksekutif Columbia Asia (wilayah Asia Tenggara), Kelvin Tan memberitahu bahawa projek bakal dibangunkan adalah yang kedua di Malaysia selepas Taiping, Perak dan antara 28 buah hospitalnya yang terdapat di India, Indonesia dan Vietnam kini.

# Kunjungan PWM ceriakan penghuni Wad Pediatrik HPP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Bagi membawa keceriaan kepada kanak-kanak yang menjalani rawatan di Wad Pediatrik, Hospital Pulau Pinang (HPP), Pertubuhan Wanita Mutiara (PWM) baru-baru ini mengadakan lawatan khidmat masyarakat dengan menyampaikan sumbangan khas kepada golongan berkaitan di sini.

Kira-kira 50 kanak-kanak, bayi, keluarga pesakit dan kakitangan menerima sumbangan berkaitan.

Presidennya, Betty Chew Gek Cheng yang juga isteri kepada Ketua Menteri berkata, objektif lawatan khidmat masyarakat PWM tersebut adalah untuk berkongsi keceriaan dan meringankan bebanan para pesakit cilik serta keluarga yang begitu mengharapkan sokongan moral untuk terus cekal mendepani kehidupan.



BETTY Chew Gek Cheng (enam dari kanan) beramah-mesra dengan salah seorang pesakit cilik yang mendapatkan rawatan di Wad Pediatrik HPP.

"Kanak-kanak ini memerlukan belaian, kasih dan mesra, malah pihak HPP sendiri amat mengalu-alukan mana-mana badan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) atau persendirian untuk mengadakan lawatan khidmat masyarakat seumpama ini di sini.

"Kami berharap agar kehadiran PWM ke sini mampu menyampaikan mesej dan membuka mata masyarakat mengenai kepentingan amalan menziarahi pesakit-pesakit cilik ini," katanya ketika ditemui pada sesi lawatan berkenaan di sini baru-baru ini.



SALAH seorang pesakit memberi salam kepada Nor Azizah Haron (bertudung ungu) yang turut serta dalam program  Lawatan Khidmat Masyarakat PWM Ke Wad Pediatrik HPP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, isteri kepada Timbalan Ketua Menteri I, Datin Nor Azizah Haron; Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan lain-lain ahli.



DR. Afif Bahardin (duduk, dua dari kanan) bersama-sama kakitangan Hospital Seberang Jaya menunjukkan kad pendermaaan organ bersempena sesi lawatan beliau di sini baru-baru ini.

# Afif lawat hospital & klinik, sumbang kurma sempena Ramadan

**PRIHATIN...** Bersempena sambutan bulan Ramadan, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mengambil inisiatif  menziarahi para pesakit di Hospital Seberang Jaya dan Klinik Kesihatan Seberang Jaya baru-baru ini.

Serentak itu, beliau turut mengambil kesempatan mengedarkan  bungkusan kurma kepada para pesakit, pelawat dan kakitangan bertugas di lokasi-lokasi berkaitan.

"Bersempena lawatan ini, selain beramah-mesra dengan petugas-petugas hospital dan klinik kesihatan, saya turut bertanyakan keadaan infrastruktur di sini.

"Ini adalah bagi mengetahui perkembangan dan situasi semasa di pusat-pusat perubatan di negeri ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Dalam perkembangan berasingan, Afif turut mengadakan lawatan ke Hospital Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan (SPS) dan Klinik Kesihatan Sungai Acheh.

Turut menyertai lawatan terbabit, ADUN Jawi, Soon Lip Chee.



SOON Lip Chee (kiri sekali) menyampaikan sumbangan bungkusan kurma kepada para pelawat Hospital Sungai Bakap.




Oleh : **Azmi Husin**

# Kapal mewah '*Quantum of the Seas*' singgah di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENGKALAN KOTA –** Kapal pelancongan mewah *"Quantum of the Seas"* turut berlabuh di Pelabuhan Swettenham dalam lingkaran George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO baru-baru ini.

Mewakili Kerajaan Negeri, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang serta para wartawan turut dijemput menyertai penjelajahan singkat ke dalam kapal pelancongan kedua terbesar di dunia, sepanjang 347.1 meter dengan berat 167,800 tan kasar.

Kapal yang pertama kali dibahterakan di khalayak pada November tahun lalu itu terdiri oleh 2,090 unit kamar pelbagai kategori dan empat kolam renang, serta boleh menampung kira-kira 4,180 tetamu.

Dalam perut kapal itu kelihatan bagaikan kompleks membeli-belah 16 tingkat di tengah laut atau *sea plex* yang dilengkapi dengan *skydiving simulator, rock-climbing wall, flow rider, room games,* pentas teater, *bionic bar, under water world* serta peluang menikmati pelbagai juadah enak daripada air tangan chef antarabangsa terkemuka seperti Jamie Oliver, Michael Schwart dan Devin Alexander.


**SCREKO Ban (tengah) bergambar kenangan bersama-sama rakan setugas lain pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Heng Kiang dalam kenyataannya memberitahu bahawa kunjungan kapal mewah milik *Royal Caribbean International* itu bukan sahaja membawa minat pelancong sedunia ke negeri ini, malah menghargai Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan di rantau ini.



**BAHAGIAN dalaman kapal yang menyerupai kompleks membeli-belah 16 tingkat di tengah laut.**

"Warga Pulau Pinang cukup berbangga kerana menjadi salah satu destinasi pilihan untuk memperkenalkan keindahan kapal '*Quantum of the Seas*' yang buat pertama kali di laut mempunyai kelengkapan seperti kapsul kaca tinggi '*North Star*', similator terjun *iFly* dan banyak lagi, yang tidak boleh didapati di tempat-tempat lain," jelas Heng Kiang yang juga ADUN Batu Lanchang kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng turut menyertai program jelajah ringkas di kapal mewah tersebut.

Dalam pada itu, Kapten '*Quantum of the Seas*', Screko Ban pula berkata, kapal mewah tersebut pasti menyediakan pengalaman unik untuk penumpang dengan ciri-ciri hiburan dan banyak pilihan tempat makan.

Beliau memberitahu, ia termasuk simulator terbang dan '*North Star*' yang membolehkan penumpang menikmati pandangan 360 darjah laut.


**PEMANDANGAN dari atas '*Quantum of the Seas*' dari kapsul kaca tinggi '*North Star*' kapal pelancongan mewah tersebut.**

"Kami juga mempunyai 18 restoran di dalam bahtera ini yang menawarkan pelbagai juadah enak untuk tetamu," ujarnya.

Difahamkan, pelayaran menarik '*Quantum of the Seas*' dari New York, Amerika Syarikat dalam tempoh hampir dua bulan bermula pada 2 Mei lepas dan dijadual berakhir di Shanghai, China pada 24 Jun lalu.

# Derma darah dapat perbaharui sel darah – Dr. Jayabalan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan menyatakan bahawa selain membantu mereka yang memerlukan, niat baik seseorang individu untuk menderma darah dapat memperbaharui sel darah di dalam tubuh masing-maasing.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kempen Kesihatan dan Derma Darah Anjuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bersama-sama Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (ANSARA), Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) Pulau Pinang serta Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini baru-baru ini.

Menurut beliau yang juga merupakan doktor perubatan, apabila sel darah manusia diperbaharui selepas menderma darah, bekalan oksigen yang dibekalkan kepada tubuh adalah lebih baik.

"Ini adalah manfaat di sebalik membantu mereka yang memerlukan seperti mangsa-mangsa kemalangan, individu yang menjalani pembedahan serta ibu-ibu yang mengalami komplikasi ketika bersalin," ucapnya pada majlis perasmian kempen berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.


**DR. T. Jayabalan (kiri sekali) beramah-mesra dengan salah seorang penderma darah pada Majlis Perasmian Kempen Kesihatan dan Derma Darah Anjuran PDC Bersama-sama ANSARA, MAKSAK Pulau Pinang serta HPP di sini baru-baru ini.**

Semua darah yang diderma bersempena penganjuran berkaitan bakal diserahkan kepada HPP bagi menampung bekalan pada bulan Ramadan dan musim perayaan.


**FARIZAN Darus (kanan sekali) beramah-mesra dengan kakitangan Buletin Mutiara yang turut mengambil kesempatan menderma darah bagi menampung bekalan darah HPP.**



# Tutup jalan berjadual demi keselamatan pengguna Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Cadangan penutupan laluan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di antara persimpangan Hilir Sungai Keluang 1 dan persimpangan Lebuhraya Kampung Jaya dekat Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas secara berjadual tiap-tiap hari dalam tempoh tujuh bulan akan diumumkan tidak lama lagi.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, cadangan itu demi membolehkan kerja-kerja pemajuan bahagian rentasan utama atau rentang tuju *(speacial span)* lebuhraya bertingkat yang merintangi Sungai Keluang dilaksanakan.

"Menteri Kerja Raya (Datuk Fadillah Yusof) memberi kelulusan pada cadangan ini.

"Kita akan mengumumkan tarikh proses penguatkuasaan (penutupan jalan berjadual) ini, selepas semua proses berwajib diperoleh nanti," jelasnya pada sidang media bersama-sama Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Bahagian Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran dan Ir. Ismade Ismail (Pengurus Pemajuan bagi UEM Builders Bhd.).

Menurut Kon Yeow, cadangan penutupan jalan pada hari Isnin hingga pagi Jumaat dilakukan dalam dua sesi, iaitu mulai jam 10 pagi hingga 4 petang dan 9 malam hingga 5.30 pagi.

Tambahnya, cadangan penutupan jalan sepenuhnya pula akan dilakukan mulai jam 9 malam pada hari Jumaat hingga 5 pagi pada hari Isnin.

"Jalan-jalan ini mesti ditutup semasa kerja-kerja pembinaan berat dijalankan atas faktor keselamatan kepada pengguna Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

"(Bagaimanapun), kita tidak boleh menutup sepenuh masa (tiap-tiap pada hari bekerja) kerana kesesakan di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas buat masa ini pun sebenarnya agak sesak," kata Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam pada itu, Hock Seng memberitahu bahawa pihaknya akan memastikan kerja-kerja pemajuan kategori berat tidak akan dilaksanakan semasa jalan-jalan tersebut dibuka untuk akses awam.

Ini kerana, katanya, demi mengelak insiden runtuhan penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang (JK2PP) yang meragut empat nyawa pengguna jalan raya tersebut pada awal bulan Jun 2013 daripada berulang lagi.

"Ini bukanlah cadangan terbaik untuk memastikan langsung tiada risiko di sini, tetapi, inilah cadangan yang kita ada buat masa ini.

"Kita merancang, Tuhan juga merancang dan kita berharap tiada insiden yang tidak diingini berlaku di tapak pemajuan sepanjang tempoh tujuh bulan itu nanti," ujarnya yang juga ADUN Bagan Jermal.

Sebelum itu, Rajendran dan Ismade masing-masing menjelaskan proses pemajuan "rentang tuju" tersebut, serta aspek-aspek keselamatan khusus untuk pengguna Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

Difahamkan, tiga bahagian rentang tuju yang bakal dibina dalam projek tersebut umumnya adalah terpanjang di Malaysia, dengan ketinggian 390 meter, sepanjang 170 meter, selebar 18 meter, serta berat keseluruhannya 14,000 tan atau 6,400 berat berat minimum satu-satu bahagian konkrit tersebut.



(Barisan depan, dari kiri), LIM Hock Seng, Chow Kon Yeow, Ir. Ismade Ismail dan Ir. A. Rajendran pada majlis penerangan mengenai cadangan laluan lencongan sepanjang tempoh penutupan berjadual jalan berwajib di sini baru-baru ini.

"Binaan ini setinggi tiga tingkat, kira-kira 13 kali ganda lebih berat dari (bahagian konkrit penyambung) yang runtuh di Jambatan Kedua Pulau Pinang dahulu.

"MDEC percaya sasaran 60 peratus KDNK (dalam SSO) mampu dicapai menjelang tahun 2020 walaupun nilai dagangan ringgit kelihatan lemah, namun, ia masih mampu menarik minat syarikat-syarikat global untuk terus melabur di Malaysia kerana ketersediaan tenaga kerja sama ada mahir mahupun separa mahir," katanya pada Majlis Perasmian Persidangan SSO Pulau Pinang Ketiga di sini baru-baru ini.

Persidangan tahunan itu dirasmikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Dalam pada itu, Pengarah investPenang (iP) yang juga merupakan Penasihat Khas kepada Ketua Menteri, Datuk Lee Kah Choon memberitahu, lonjakan trend SSO di Malaysia adalah hasil unjuran syarikat-syarikat global yang mensasarkan potensi pertumbuhan dalam Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community*, AEC).

Tambah beliau, sektor perkhidmatan di Pulau Pinang juga dijangka mengatasi sektor pembuatan dan komoditi sebagai pemacu ekonomi utama tahun ini susulan peningkatan minat terhadap produk berkaitan pelancongan dan perkhidmatan sokongan seperti perbankan dan logistik.

"Sektor perkhidmatan dijangka menyumbang sebanyak 49 peratus bagi unjuran awal KDNK, manakala sektor pembuatan yang sebelum ini menyumbang hampir 50 peratus, dijangka mencapai 47 peratus sahaja tahun ini," ujarnya.

Tambah Kah Choon, sejajar dengan pertumbuhan pesat sektor SSO, Pulau Pinang juga berhasrat meneraju sektor Kandungan Multimedia Kreatif atau *Creative Multimedia Content* (CMC) dengan menubuhkan Majlis SSO-CMC Negeri Pulau Pinang (PSSCC).

"Seperti yang diperkatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapannya, PSSCC ini akan menyediakan sokongan langsung, khidmat nasihat dan promosi ekosistem kepada Kerajaan Negeri dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi utama pilihan pelabur yang berkecimpung dalam SSO, CMC mahupun sektor-sektor lain yang berkaitan.

"Bagi menjayakannya, Kerajaan Negeri melalui PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) telah menandatangani satu perjanjian sub-pajakan selama 30 tahun dengan nilai RM30 juta bagi mewujudkan pusat pembangunan multimedia kreatif dikenali *Accelerator for Creative Analytic Technology* atau *@CAT* yang dilihat memberi nilai tambah dalam sektor SSO dan CMC di Pulau Pinang," jelasnya.

Kira-kira 300 delegasi dari pelbagai latar belakang industri menghadiri Persidangan SSO berkenaan.

# Paramit AS labur RM60 juta




**KETUA Menteri dan Thomas La Rose (kiri sekali) serta dua tetamu kehormat lain menyempurnakan gimik Majlis Pecah Tanah Pembinaan Fasiliti Industri Paramit Corp. di Taman Sains Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU KAWAN –** Selepas Haemonetics, syarikat pengeluar peranti perubatan Paramit Corporation (Paramit) yang turut berpengkalan di Amerika Syarikat membuka industri di Taman Sains Pulau Pinang dekat kawasan Parlimen Batu Kawan, dengan nilai pelaburan RM60 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pelaburan terbaru ke negeri ini sekaligus mewujudkan kira-kira 500 hingga 800 peluang pekerjaan tidak lama lagi.

"Fasiliti baru itu akan membangunkan beberapa produk paling inovatif di dunia, baik dalam bidang peranti perubatan, mahupun dalam pasaran yang lain juga," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Industri Paramit di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Pengurus Paramit Corp. di Malaysia, Thomas La Rose memberitahu, industri yang dijadual siap pada bulan Jun 2016 nanti akan berperanan sebagai kilang pengeluaran utama di rantau Asia.

"Fasiliti Paramit kedua di Malaysia ini akan meletakkan (pelaburan terbaru) kami untuk pertumbuhan yang pesat serta diharap berkembang menjadi salah satu pengeluar peralatan dan instrumen perubatan yang terkemuka di rantau ini," ujar beliau sambil merakamkan penghargaan atas sokongan pemimpin Kerajaan Negeri.

Menurut Guan Eng, Pulau Pinang dipilih sebagai destinasi pelaburan terbaru berdasarkan pengalaman yang kompetatif Paramit Corp. melabur pada fasa pertama di Zon Perindustrian Bebas dekat Bayan Lepas, sejak tahun 1988 lagi.

"Sejak 1988, Paramit menghasilkan komponen elektrik dan elektronik, termasuk peranti perubatan dan instrumen, bagi sesetengah pemimpin pasaran yang terbesar dan dalam industri masing-masing di seluruh dunia.

"Selain di Pulau Pinang, fasiliti pelaburan Paramit (Corp.) di luar Malaysia adalah seperti di Morgan Hill, California.

# Agilent rancang bina kilang baru, 50 tahun di P. Pinang dihargai

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



**KETUA Menteri sambil ditemani Chai Meng Fee (kiri sekali) memerhatikan salah sebuah produk Agilent pada majlis sambutan ulang tahun ke-50 syarikat multinasional terbabit di sini baru-baru ini.**

**BAYAN LEPAS –** Agilent Technologies (Agilent) mengumumkan rancangan jangka masa panjang untuk membina fasiliti kilang pembuatan baru di negeri ini demi menampung pertubuhan sains hayat serta perniagaan aksesori perubatan ia.

Berucap pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Agilent, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan atas hasrat yang diluahkan oleh Presiden Agilent Technologies, Chai Meng Fee yang terus setia menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan mereka.

"Sumbangan Agilent untuk ekonomi Pulau Pinang mesti dipuji dan keberadaan syarikat itu sekaligus membuktikan sains hayat boleh berjaya menjana keuntungan lumayan serta menarik minat lebih ramai generasi muda Malaysia dan Pulau Pinang," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Pulau Pinang merupakan negeri perindustrian pertama di Malaysia, dengan kedua-dua sektor perkhidmatan dan pembuatan menyumbang kira-kira 95 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2014, iaitu sebanyak RM67 bilion.

Justeru, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian pada sektor pembuatan yang menyumbang kira-kira 60 peratus pada KDNK Pulau Pinang.

Tambahnya, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) pula mendedahkan pelaburan ke negeri ini meningkat sebanyak 109 peratus menjadi RM8.2 bilion pada tahun 2014, berbanding 3.9 bilion pada tahun sebelumnya.

"Ini membuktikan pelaburan langsung asing (FDI) telah didorong oleh daya tarikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan," ujar Guan Eng.

Itu, tambahnya, tidak termasuk surplas atau lebihan kewangan yang berjaya direkodkan dalam kewangan negeri pada tiap-tiap tahun sejak 2008.

Difahamkan, lebihan kewangan Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga 2013 adalah sejumlah RM453 juta, dengan rekod terbesar dalam sejarah Pulau Pinang yang dicapai sebanyak RM138.31 juta pada tahun 2011 sahaja.

Dalam tempoh 2008 hingga 2013 juga, lebihan bajet terkumpul negeri yang berjumlah RM453 juta itu melebihi surplas negeri selama 50 tahun dahulu sejak 2007, iaitu sebanyak RM373.6 juta sahaja.

"Kita akan meneruskan lagi rancangan Kerajaan Negeri untuk generasi masa depan, terutamanya membina projek berkembar (iaitu) membina perumahan mampu milik serta menangani masalah pengangkutan.

"Sebanyak RM500 juta diperuntukan di bawah Tabung Perumahan Awam Rakyat Pulau Pinang dan Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang merangkumi tanah dan rangkaian laut yang dianggarkan memerlukan dana RM27 bilion, termasuk membina sistem MRT (transit laju massa) demi menghubungkan kawasan pulau dan tanah besar (Seberang Perai) di negeri ini," jelas beliau.

Sebelum itu, Meng Fee memberitahu bahawa, rancangan membina kilang baru di Pulau Pinang turut dijadikan sebagai hub instrumen dan peralatan perubatan khusus untuk mengesan tisu kanser pada masa hadapan.

"Kerajaan Negeri pun ada mencadangkan suatu tapak baru yang berpotensi di Batu Kawan untuk fasiliti pengeluaran baru ini, dan kami sendiri akan mengoptimumkan proses pembuatan itu nanti sebagai penyelesaian jangka pendek.

"Kami berminat untuk mengambil lebih ramai ahli kimia dan biologi, selain jurutera, yang kini bilangan pekerja kami di Pulau Pinang kira-kira 530 orang.

"Industri berasaskan sains hayat dengan reka bentuk peralatan kimia dan pembuatan kian berjaya sejak lima tahun lepas dan produk yang dihasilkan di sini (Pulau Pinang) nampaknya telah memberi impak global sejak masa itu lagi," kata Meng Fee.

# Elak bazir makanan, didik nilai murni sejak kecil

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Bagi mengurangkan tabiat pembuangan sisa makanan dalam kalangan umum, Kerajaan Negeri melalui PGC Strategies Sdn. Bhd. (*Penang Green Council*, PGC) menganjurkan Kempen Makan Sampai Habis di sini baru-baru ini.



LEE Yan Lin, 12, dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Convent Datuk Keramat menunjukkan sijil yang diterima selepas diumumkan sebagai juara pertandingan.

Kempen yang julung kali diadakan berkaitan adalah bertujuan mewujudkan kesedaran tentang pentingnya sumber makanan khususnya di negeri ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin berkata, beliau berharap dengan adanya kempen sebegini, ia sedikit sebanyak dapat memupuk budaya berjimat-cermat terutamanya berkaitan dengan sumber makanan dalam kalangan masyarakat.

"Ini adalah ekoran isu kenaikan harga makanan, bekalan makanan tidak mencukupi, bencana alam yang semakin menjadi-jadi dan tahap keselamatan makanan global yang dipercayai kian teruk", katanya ketika merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Melukis Poster Kempen Makan Sampai Habis di sini baru-baru ini.



DUA pelajar menunjukkan sijil penyertaan Pertandingan Melukis Poster Kempen Makan Sampai Habis yang diterima di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar yang juga ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng.

Seramai 138 pelajar sekolah rendah dan menengah (55) dari seluruh Pulau Pinang mengambil bahagian di dalam pertandingan terbabit.

Mengulas lanjut, Soon Hin memberitahu, pertandingan tersebut adalah suatu kebaikan dan nilai murni yang perlu dididik sejak dari kecil," jelas beliau.

---

# KALENDAR SUKAN MASSA 2015 (Julai - Sept.)

## JULAI

26 Julai : "Bone to Run 2015 Charity Fun Run"
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Straits Quay Tanjung Tokong Penang
Penganjur : Mount Miriam Cancer Hospital Penang
Telefon : 04-8923873 / 012-4802235 (En. Keith Tan)
Email : keith@mountmiriam.com

## OGOS

9 Ogos : Kwong Wah Yit Poh Penang Hill Climb
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Taman Perbandaran Belia
Penganjur : Kwong Wah Yit Poh
Telefon : 04-2612312 / 012-4052934 (Koma Leong)
Email : komaleong@yahoo.com

16 Ogos : MPSP Tower Run
Masa : 7.00 pagi
Tempat : MPSP Bandar Perda,
Penganjur : LA Vintage Events
Telefon : 012-4401398 (Shaun Ng)
Email : info@mpsptowerrun.com.my

16 Ogos : Tanjung 10KM Run
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Padang Polo
Penganjur : PAAA
Telefon : 016-4628260 (Govindasamy)
Email : govind0101@hotmail.com

23 Ogos : FMM Penang Futsal Carnival 2015
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Seberang Jaya
Penganjur : Federation of Malaysian Manufacturers
Telefon : 04-3992057 / 019-4111229 (Dato' Dr. Ooi Eng Hock)
Email : fmmpenang@fmm.org.my

29-30 Ogos : 100KM Ultra Marathom
Masa : 10.00 malam
Tempat : SJKC Kampung Sungai Lembu
Penganjur : JKKK Sungai Lembu & Endurance Nature
Telefon : 013-32776289 (Ng Seow Kong)

30 Ogos : Delta Eco Night Run 2015
Masa : 6.00 petang
Tempat : Taman Perbandaran Belia
Penganjur : Delta Business Solutions
Telefon : 012-4880800 (Choo Eng Hin)
Email : ceh@deltaonline.com.my

## SEPTEMBER

6 Sep. : Penang Peace Run
Masa : 7.30 pagi
Tempat : Taman Perbandaran Belia
Penganjur : Service Civil International (SCI)
Telefon : 012-4921442 (Ravichandar)
Email : ravi.eda4all@gmail.com

18 & 19 Sep. : GSN 3V3 Floorball Tournament
Masa : 8.00 pagi - 6.00 petang
Tempat : Balai Rakyat Pasar Awam, Balik Pulau
Penganjur : Gateway Sports Network & Persatuan Floorball P. Pinang
Telefon : 016-2887809 (Christopher Koh)
Email : topher.koh@gmail.com

20 Sep. : Guang Ming Bukit Jambul Hikathon
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Kawasan Mendaki Bukit Jambul
Penganjur : Kelab Pendaki Bukit Jambul
Telefon : 016-4042099 (Lim Beng Chuan)
Email : limbengchuan@yahoo.com

26 - 27 Sep. : Penang Ultra 100KM Run
Masa : 5.30 pagi
Tempat : Padang Kota Lama
Penganjur : E-Youth Association
Telefon : 012-4281805 (Andrew Loh)
Email : andrewllh@hotmail.com / meiyeap@gmail.com

# TAMPIL perkasakan wanita P. Pinang

Gambar & Teks : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERMATANG BERANGAN –** Kira-kira 50 wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan Briged Wanita seluruh Daerah Seberang Perai Utara (SPU) berjaya menamatkan siri Program Pemberdayaan Kepimpinan Wanita Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Program, TAMPIL anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) terbabit bertujuan mendedahkan golongan wanita terhadap hak masing-masing, usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan golongan berkaitan dan *gender responsive budget* (GRB).

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng ketika berucap menyatakan bahawa perkataan TAMPIL digunakan kerana ia membawa maksud mara atau bergerak ke hadapan.

"Ia mencerminkan sikap berdikari dan gigih bagi mencapai peluang...sikap rajin mengasah bakat dan kebolehan individu.

"Ia mengajak anda sekalian, sebagai wanita dan rakyat untuk membentuk keyakinan terhadap diri sendiri, maksudnya, wanita harus berani TAMPIL dan bersuara tentang keperluan serta pandangan kepada keluarga, rakan-rakan dan masyarakat," katanya pada Majlis Perasmian TAMPIL Daerah SPU di sini baru-baru ini.

Tambah Chong Eng, ekoran prinsip Kerajaan Negeri yang peka dengan sumbangan golongan wanita di negeri ini, maka banyak program bagi menggalakkan penyertaan golongan berkaitan dalam masyarakat, kerajaan, politik dan ekonomi dijalankan dari semasa ke semasa.




CHONG Eng (duduk, empat dari kiri) bergambar bersama-sama para peserta dan ahli jawatankuasa program TAMPIL Daerah SPU di sini baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar golongan wanita di negeri ini bergiat lebih aktif dalam komuniti masing-masing.

"Tidak kira sama ada menyertai badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan agama atau persatuan penduduk, atau lebih baik, terus sertai pasukan Briged Wanita yang ditubuhkan Kerajaan Negeri.

"Saya menyeru golongan wanita dapat rebut peluang disediakan Kerajaan Negeri dan nikmati manfaatnya. Pada masa sama, bantu sebarkan maklumat ini kepada rakan serta keluarga," seru beliau.

Daerah SPU merupakan daerah pertama di negeri ini yang menjalankan program TAMPIL sebelum dianjurkan di daerah lain secara berperingkat.




CHONG Eng (dua dari kanan) menunjukkan replika cek yang disampaikan kepada Person melalui Dr. Tiun Ling Ta (dua dari kiri) pada majlis penyampaian yang diadakan di sini baru-baru ini.

## Bersama bangunkan persatuan sukan OKU - Exco

**GEORGE TOWN –** Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng menggesa badan-badan korporat supaya bersama-sama membangunkan persatuan sukan golongan kurang upaya (OKU) bagi membolehkan mereka berentap dalam kejohanan peringkat antarabangsa.

"Tanggungjawab dalam membangunkan persatuan sukan berkaitan tidak semestinya diletakkan di bahu pihak kerajaan semataa-mata.

"Sebaliknya, semua pihak memainkan peranan penting dalam mempergiatkan ia sebagai membuka peluang kepada atlet-atlet OKU berpontensi,'' katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Persatuan Sukan dan Rekreasi Kurang Upaya Pulau Pinang (Person) di sini baru-baru ini.

Hadir menerima sumbangan berkaitan, Presiden Person, Dr. Tiun Ling Ta dan ahli-ahli persatuan, Lim Hock Kee dan Chan Bee Tin.

Tambah Chong Eng, sumbangan bernilai RM20,000 yang disumbangkan adalah sebagai persediaan Person ke Sukan Paralimpik 2016, Sarawak.

Selain membuka peluang kepada OKU menunjukkan bakat dalam bidang sukan, Person yang ditubuhkan pada 2009 juga bertujuan memupuk kesedaran awam dan ibu bapa yang memiliki anak-anak OKU yang berbakat untuk bergiat dalam bidang berkaitan.



DR. Afif Bahardin (memegang Jalur Gemilang) menyempurnakan Majlis Pelepasan Konvoi Kebajikan Penang Bike Week Ke-8 2015 di sini baru-baru ini.

## *Penang Bike Week* kumpul dana kebajikan

Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Lebih 250 penunggang motosikal berkuasa tinggi berkampung di perkarangan sebuah hotel di sini selama tiga hari mulai 4 Jun lalu bagi menjayakan program Penang Bike Week Ke-8 2015.

Acara pelepasan bendera konvoi kebajikan penganjuran berkaitan disempurnakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

"Selepas tujuh tahun berturut-turut *'Penang Bike Week'* ini diadakan di bahagian pulau, acara tahunan kali kelapan ini bukan sahaja dianjurkan di tanah besar Seberang Perai, bahkan di Seberang Jaya," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Justeru, beliau berkata pihaknya berharap lebih banyak program kebajikan seumpama itu dianjurkan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.

Sebelum itu, Presiden Penang Bike Week 2015, Abdul Rahim Ahmad memberitahu, program tersebut bukan sahaja untuk menghimpunkan para penunggang motosikal berkuasa tinggi, bahkan untuk mempopularkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan bermotor.

"Kita juga nak menyuburkan kesedaran pripenting keselamatan untuk penunggang pelbagai kategori.

"Sebenarnya, lebih 1,500 penunggang yang menyertai program amal ini secara langsung atau tidak langsung dari negeri lain dan negara jiran, seperti Thailand, Singapura dan Indonesia.

"Dengan ini, kita harap kempen mengumpul dana kebajikan yang diadakan dalam penganjuran selama tiga hari ini (5 hingga 7 Jun 2015) dapat membantu keluarga yang memerlukan serta orang kurang upaya (OKU) sekitar (Parlimen) Bukit Mertajam dan Rumah Anak Penyayang di Pulau Pinang," ujar Abdul Rahim dalam kenyataan bertulisnya kepada wartawan.

# Abang Din bangga kekal resepi tapai warisan ibu

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**



NORDIN Yusuf atau Abang Din.



KAK Norain (kanan) sambil dibantu seorang rakan membungkus tapai-tapai yang ditempah.

**BUNGKUSAN**-bungkusan kecil molek daun pisang berbentuk piramid diatur dengan begitu rapi di dalam bekas khas, amat tertarik penulis melihatnya!

Sebelum sesi temuramah bermula, penulis dan juga jurugambar bertugas diberi peluang mencuba ia. Telah dibungkus dalam tempoh 24 jam sebelum itu, rasanya sudah cukup sedap bagi penulis.

Menurut Abang Din (lebih dikenali) atau nama sebenar Nordin Yusuf, 58, tapai resepi tinggalan turun-temurun arwah ibunya paling elok dimakan setelah 30 jam daripada tempoh masa ia dibungkus.

Malah, katanya yang menetap di Taman Selesa, Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU), bagi tempahan, seseorang pelanggan perlu memaklumkan dalam tempoh lima hari sebelum tarikh tapai diambil.

“Ini adalah kerana kepelbagaian persediaan yang perlu dibuat seperti mencari daun pisang, bahan-bahan dan juga tempoh masa yang diperuntukan untuk ia (tapai) ‘masak’,’’ katanya yang ditemani isterinya, Nor Azah @ Norain Ismail, 49.

Telah mengusahakan perusahaan tersebut dalam tempoh 10 tahun, Abang Din dan Kak Norain masih mengamalkan pantang larang membuat tapai yang diwarisi secara turun-temurun.

“Ada pantangnya, kalau tak ikut, tapai akan menjadi tidak manis, jadi merah, masam dan tawar.

“Kerja buat tapai ni remeh sikit. Kalau dulu, kita letak dalam tempayan, tutup dengan kain batik, ikat. Malah, pintu, tingkap juga perlu semua ditutup masa proses membungkus tapai. Perempuan yang datang ‘kotor’ adalah tidak dibenarkan membungkus.

“Namun, kini, kami tidak ikut sangat pantang larang berkaitan. Alhamdullilah, tapai menjadi seperti sedia kala,’’ jelas pasangan berkaitan yang dikurniakan empat cahaya mata.

Bercerita dengan lebih lanjut, Abang Din memberitahu bahawa pada peringkat permulaan, beliau belajar membuat tapai daripada arwah ibunya selepas balik dari sekolah hanya untuk seronok-seronok.



TAPAI yang sedia untuk dibungkus.

“Saya minat makan dan sambil-sambil itu belajar masa mak buat untuk keluarga. Ia tidak susah, sesuatu kerja hanya akan jadi susah sekiranya kita malas,’’ jawab beliau.

Selepas mendirikan rumah tangga, resipi tersebut kemudian diturunkan pula kepada Kak Norain.

“Masa mak mertua buat, saya tengok dan arwah juga ajar. Lama-lama boleh buat untuk keluarga makan,’’ jelas beliau yang berasal dari Paya Keladi, Kepala Batas, SPU.



RUPA bentuk tapai daun pisang yang sedia untuk dipasarkan.

Perniagaan yang telah diusahakan dalam tempoh 10 tahun tersebut adalah bermula melalui tempahan seorang saudara sempena jamuan Hari Raya di Baling, Kedah.

“Masa itu, akak buat 20 kilogram (kg). Orang kata sedap, dari situ, akak terfikir nak pasarkan,’’ ujarnya yang mana pasaran tapai kini telah memasuki Sungai Petani, Kedah; Ipoh, Perak dan juga Kuala Lumpur.

Bagi pasangan berkaitan, selain takut tapai yang dihasilkan menjadi merah dan rosak, cabaran lain yang dihadapi adalah kenaikan harga pulut dan daun pisang.

“Sekiranya harga bahan-bahan ini naik terlalu tinggi, maka, kami juga terpaksalah...naikkan sikit,’’ katanya sambil menjelaskan bahan-bahan asas bagi pembuatan tapai adalah beras pulut dan ‘ragi’.

Berbicara dengan lebih lanjut, Abang Din yang tidak pernah lokek ilmu berkongsi kaedah pembuatan tapai beliau dengan Buletin Mutiara.

“Beras pulut dan ‘ragi’ direndam dalam tempoh sekurang-kurangnya dua jam setengah atau seelok-eloknya lima jam sebelum ia dikukus sampai masak.

“Kemudian, ia diangkat dan disiram, dibiarkan kering selama 10 minit dan letakkan ia di dalam talam. Biarkan ia sejuk dan ‘ragi’ diketuk-ketuk sehingga jadi serbuk dan taburkan ia di dalam talam.

“Siapa nak belajar, datang belajar. Walaupun ia merupakan punca rezeki kami, kami tidak lokek dan tumpang senang sekiranya yang datang belajar turut sama memahiri teknik ini,’’ jelasnya yang sehingga kini telah mengajar teknik pembuatan berkaitan kepada empat individu yang menetap di kawasan perumahan sama sehingga membolehkan golongan berkaitan menjalankan perniagaan sama kini.

Bagi perancangan masa depan, pasangan romantik berkaitan ingin memperkembangkan perniagaan sedia ada.

Sehingga kini, menurut Abang Din, strategi pemasaran adalah lebih kepada mulut ke mulut.

“Walaupun tapai kami telah sampai satu Malaysia, kami cuba usahakan lagi,’’ katanya yang berasa bangga kerana masih mewarisi dan meneruskan resepi tapai tinggalan istimewa arwah ibunya kini.

**INFO :**
**Tapai Daun Pisang**
**No. 8, Tingkat Selesa 3,**
**Taman Selesa,**
**Kampung Selamat,**
**13300 Tasek Gelugor.**
**Nordin : 013 - 431 3345**
**Rumah : 04 - 573 3345**

# Puasa bukan alasan tidak berlatih skuasy – Nur Aliah Izzati

**LATIHAN** dua hingga tiga jam tiap-tiap hari kecuali Ahad berjalan seperti biasa walaupun dalam bulan Ramadan ini.

Nur Aliah Izzati Muhammad Anis, 15, berkata, langkah itu demi mengekalkan stamina serta pengalaman, walaupun mengakui rasa dahaga dan lapar sementara menunggu waktu berbuka puasa.

Demikian perkongsian pengalaman atlet skuasy yang kini menduduki ranking nombor satu peringkat Asia pada Jun 2015 itu.

"Walaupun saya boleh berbuka puasa disebabkan terlalu letih dengan latihan ini, tetapi saya tetap berpuasa.

"Saya juga pernah menyertai *Hong Kong Junior Open 2014* dalam keadaan berpuasa seperti sekarang (pada bulan Ramadan lepas) dan berjaya mendapat nombor tiga kategori bawah 15 tahun.

"Dapat nombor tiga bukan sebab puasa, tetapi saingan yang kuat serta kelebihan teknik persembahan daripada pencabar," jelas Nur Aliah Izzati semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di Kompleks Pusat Skuasy Antarabangsa Nicol David dekat kawasan Parlimen Jelutong di sini baru-baru ini.



NUR Aliah Izzati Muhammad Anis bersama-sama ayahnya.

Katanya, dua rakan sepasukan bawah 15 tahun, Zetty Zawanah dan Ezzri Nazri pun masing-masing menjalani latihan seperti biasa pada bulan ibadah berpuasa ini.

Nur Aliah Izzati mula didedahkan mengenai skuasy oleh ayahnya sendiri, Muhammad Anis Abu Bakar, 52, yang juga guru pendidikan jasmani sejak berusia tujuh tahun lagi.

Kini, beliau di bawah bimbingan jurulatih negeri, Aaron Soyza dan Khoo Teng Hin, iaitu jurulatih yang berjaya mencungkil bakat luar biasa ratu skuasy nombor satu dunia, Datuk Nicol Ann David dan Low Wee Wern (ranking nombor tujuh dunia).

Dalam tempoh sembilan tahun bermain skuasy, Nur Aliah Izzati berjaya merangkul pelbagai pencapaian kategori bawah 15 tahun, antaranya, juara *CIMB Junior Circuit 2015,* Naib Juara dalam Kejohanan Terbuka ASEAN di Iran (2014), juara dalam Tontrefact Junior Open 2014 di Leeds.

"Dalam *Penang Malaysian Junior 2015* baru-baru ini, saya dapat tempat kedua sebab tewas dengan pencabar dari Kedah," katanya sambil mengakui bahawa masih banyak yang perlu dipelajari jika mahu memburu kejuaraan berterusan seperti Nicol David.

**Keluarga & Sekolah**

Nur Aliah Izzati memberitahu bahawa kejayaan yang dicapainya kini sebenarnya disokong kuat oleh keluarga, khususnya ayah beliau dari segi masa, tenaga dan wang ringgit.

"Ayah yang banyak menyokong," responsnya sambil memeluk Muhammad Anis.

Nur Aliah Izzati merupakan anak bongsu daripada empat adik-beradik.

Tahu tidak tahu, kakaknya, Nur Athirah Muhammad Anis, 19, turut merupakan atlet skuasy, mewakili negeri Terengganu serta Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di negeri berkenaan.

Nur Aliah Izzati turut mengaku bahawa guru-guru dan rakan sebaya di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kenari dekat Kulim, Kedah banyak memberi sokongan dari segi pembelajaran dan moral.

"Saya seperti pelajar-pelajar biasa lain juga, ada kawan dan seringkali ditekankan oleh guru-guru mengenai pembelajaran saya.

"Selalunya, saya main badminton dengan kawan-kawan di sekolah dan saya sangat suka bermain badminton.

"Apabila sertai kejohanan di luar negara, kawan-kawan di sekolah memang sedar saya hilang kadang-kadang lebih seminggu, mujur dapat sokongan pembelajaran daripada cikgu-cikgu secara khusus," jelasnya.

Tambah beliau, Pengetua Sekolah, Ismail Md. Isa, Cikgu Amir Ramli (Penolong Kanan Kokurikulum) banyak membantunya dalam mengimbangi tanggungjawab sebagai pelajar dan atlet negeri Pulau Pinang.

Tambah-tambah, Nur Aliah Izzati sedang bergelut menyiapkan projek folio sebelum mendepani ujian bertulis Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) yang dijadualkan pada bukan Oktober nanti.

"Semua kerja sekolah mesti dihabiskan di sekolah kerana, selepas waktu sekolah, ayah akan membawa saya ke sini untuk latihan.

"Akan rehat atau tidur sekejap dekat kerusi sofa sebelum memulakan latihan di sini.

"Walaupun skuasy adalah 'nombor satu', pesanan cikgu agar kecemerlangan akademik bukanlah 'nombor dua' (iaitu mesti diutamakan juga) tidak pernah diabaikan," kata Nur Aliah Izzati.

**Penghargaan**

"Ada dua kepuasan dalam hidup saya, satu apabila menewaskan pencabar di gelanggang, dan kedua, apabila pencapaian kita dihargai.

"Walaupun saya sudah ada testimonial tersendiri dalam sukan skuasy bawah 15 tahun ini, perjalanan saya masih jauh dan saya tidak pernah puas dengan apa yang ada," ujarnya.

Nur Aliah Izzati baru-baru ini mendapat Anugerah Olahragawati Harapan 2014, yang disampaikan sendiri oleh Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas, Mei lepas.

Beliau turut dipilih menerima Anugerah Tunas Harapan Negeri 2013 daripada Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dan Kerajaan Negeri Kedah.

Tidak cukup dengan itu, tambahnya, pencapaian yang ada turut menggamit tajaan beberapa pihak, seperti aksesori dan pakaian sukan daripada Dunlop, Biasiswa Sukan Kedah RM700 setahun, Biasiswa Kementerian Pendidikan RM1,000 hingga RM1,500 setahun sejak tiga tahun lalu, sumbangan Yayasan Kecemerlangan Sukan Malaysia *(Sport Excel)* dan hadiah pada setiap kali kejohanan.

"Dalam tempoh tiga bulan ini (Mac hingga Jun 2015), saya bersyukur dengan tajaan dan penghargaan yang diperoleh, kira-kira hampir RM5,000 juga, termasuk dalam *CIMB Junior Circuit 2015* dan sumbangan penghargaan Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) baru-baru ini.

"Walaupun memang ada tajaan dan biasiswa, tetapi sebenarnya perlu ada insentif tambahan (luar latihan) yang lain.

"Seperti saya umpamanya, tak masuk kos minyak makan minum dari Kulim ke tempat latihan, kos tol sahaja kira-kira RM13 tiap-tiap hari," kata beliau.

**Harapan**

Nur Aliah Izzati yakin bahawa prospeks sukan skuasy di negeri ini kian cemerlang, disebabkan inisiatif pihak berwajib membangunkan secara bersepadu sains sukan untuk keperluan asasi para atlet negeri.

"Tenaga sahaja tidak memadai melainkan perlu disokong oleh pengalaman dan (pembangunan) sains sukan.

"Saya sangat berterima kasih kepada SRAM *(Squash Racquets Association of Malaysia)* yang menyediakan kem intensif pada hujung tahun, yang menawarkan penerapan sains sukan sepertimana di luar negara juga," jelasnya.

Dengan semua sokongan, penghargaan dan harapan ini, Nur Aliah Izzati mengaku bahawa beliau akan terus memasang tekad untuk memburu lebih banyak kejuaraan demi Pulau Pinang.

"Ke manapun saya terbang, hati saya tetap untuk Pulau Pinang, kejuaraan yang akan terus saya buru pun untuk negeri ini," kata beliau.

# *Soonstead Mansion* kekal dan tidak terjejas

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui Pengarah Jabatan Konservasi Warisannya, Noorhanis Noordin menafikan bahawa bangunan *Soonstead Mansion* di Jalan Sultan Ahmad Shah akan dirobohkan demi pembangunan.

Menurut Noorhanis, melalui cadangan dikemukakan kepada MBPP, pemaju menyatakan bahawa bangunan sedia ada akan dikekalkan dan pihak berkaitan hanya mengubah 'status' penggunaan dari jenis kediaman kepada hotel.

"Sebagai tambahan, satu blok bangunan 13 tingkat dengan kelengkapan 97 bilik, tempat letak kereta (tiga tingkat) akan didirikan di bahagian belakang bangunan asal berkaitan.

"Sebagai penjelasan lanjut, tapak berkaitan juga adalah berada di luar tapak warisan dunia UNESCO," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Mengulas lanjut, Noorhanis memberitahu bahawa permohonan merancang telah dikemukakan kepada MBPP pada Februari 2015 dan masih dalam pertimbangan selaras dengan Akta Perancangan Bandar & Desa 1976.

"Satu sesi pendengaran telah diadakan pada awal Jun lalu bersama-sama pihak yang telah memberi ulasan serta pandangan terhadap pemajuan ini.

"Sebagai tambahan, MBPP juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak arkitek projek agar pemaju mengkaji rekabentuk baru supaya ia dapat diintegrasi dan dirancang secara sensitif supaya tidak menjejaskan bangunan sedia ada," jelas beliau.

Dalam pada itu, Kon Yeow menegaskan bahawa pihak yang membuat andaian tentang perobohan bangunan *Soonstead Mansion* sebagai tidak *'up to date'* dengan perkembangan projek berkaitan.

"MBPP mempunyai garis panduan yang jelas dalam menguruskan hal bangunan seperti ini dan kita (MBPP) berharap perkara ini dapat diselesai serta dimajukan dengan baik.

"Malah, saya juga berharap penjelasan ini dapat menunjukkan ketegasan MBPP dalam menangani isu berbangkit seperti ini," nyata beliau.

## Bkt. Laksamana, MBPP laksana pantauan elak pencerobohan



IR. Ang Aing Thye (kiri) dan Chow Kon Yeow menunjukkan artikel dan laporan berhubung penerokaan 'haram' di Bukit Laksamana di sini baru-baru ini.

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye menyatakan bahawa tiada bangunan chalet yang didirikan di Bukit Laksamana, Teluk Bahang sebagaimana didakwa beberapa pihak sebelum ini di sini.

Katanya, selepas menyemak pelan kebenaran merancang MBPP, didapati tiada permohonan dikemukakan bagi mendirikan chalet di kawasan tanah tinggi berkaitan.

"Kita (MBPP) kini sedang meneliti proses perundangan berhubung kerja-kerja 'haram' (tidak mendapat kelulusan) yang dijalankan di atas kawasan bukit tersebut.

"Dua akta yang boleh digunakan untuk tindakan penguatkuasaan adalah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Menurut Aing Thye, MBPP juga berkemungkinan mengkaji untuk mengetatkan kedua-dua akta terbabit sambil menyifatkan bahawa jumlah denda RM50,000 di bawah akta tersebut kini adalah terlalu ringan untuk menghukum pihak pemaju.

Lanjutan itu, Kon Yeow memberitahu, sebuah jawatankuasa dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus kini sedang memantau kejadian berkaitan.

"Umumnya, kerja-kerja torehan bukit di Bukit Laksamana mampu menjejaskan sumber tadahan air negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri mahu segala kegiatan di Bukit Laksamana dihentikan dengan serta merta.

"Penguatkuasa MBPP akan terus melaksanakan tugas pemantauan bagi mengelakkan pencerobohan dari semasa ke semasa. Malah, pemetaan semula kawasan berkaitan turut dijalankan bagi memudahkan pemantauan pihak-pihak berkaitan," tegas beliau.

Tegas Kon Yeow, sekiranya mana-mana pihak didapati bersalah berhubung pencerobohan tersebut, penguatkuasaan undang-undang akan dikenakan termasuk tindakan mahkamah.

Isu penerokaan Bukit Laksamana menjadi perhatian pihak media selepas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Shah membangkitkan hal berkaitan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kiri sekali) berjabat tangan dengan Mustafa Kamal Ahmad (empat dari kanan) sambil diperhatikan Chong Eng (dua dari kiri) dan barisan Ahli-ahli Majlis MPSP lain pada istiadat pelantikan dan mengangkat sumpah beliau di sini baru-baru ini.

## Mustafa Kamal ahli majlis baru MPSP

Oleh : **DARWINA MOHD. DAUD**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SEBERANG JAYA –** Mustafa Kamal Ahmad dilantik sebagai Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru bagi menggantikan Allahyarham Shafiqah Shobha Abdullah yang telah kembali ke Rahmatullah pada 28 April lalu.

Istiadat pelantikan dan mengangkat sumpah beliau dilangsungkan di hadapan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng baru-baru ini di Dewan Kenanga MPSP di sini.

Mustafa Kamal, 57, mewakili badan bukan kerajaan (NGO) dan bergiat aktif dalam sukan bola sepak.

Beliau juga turut aktif dalam politik semenjak 1985 serta mengikuti pelbagai seminar dan kursus anjuran pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Maimunah berkata, pelantikan Mustafa Kamal adalah bagi tempoh 1 Jun sehingga 31 Disember ini.

"Saya berharap Mustafa Kamal dapat bersama-sama MPSP merealisasikan Pelan Strategi Lima Tahun (2014 - 2018) MPSP demi kepentingan dan kebajikan penduduk Seberang Perai," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan berasingan, Maimunah turut menyatakan bahawa pada penganjuran program Dialog Bajet 2016 yang diadakan baru-baru ini, ia telah memperoleh sambutan yang amat baik iaitu seramai 180 peserta hadir berbanding 92 orang untuk maklum balas bajet tahun ini (2015).

Mengulas mengenai lokasi sampah haram, MPSP berjaya mengurangkan angka tersebut dari 135 lokasi pada 2013 kepada 2014 (118) dan sehingga Jun 2015 (19).

"Saya menyeru supaya penduduk membuang sampah di tempat yang disediakan dan bukannya di lokasi-lokasi haram *(illegal dumping)* atau tidak dibenarkan," ujar beliau.

# Roboh sebab struktur binaan tidak sah - Ahli Majlis

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PADANG KOTA –** Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ong Ah Teong menyatakan bahawa tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT) meroboh struktur binaan di luar Menara UMNO, Jalan Macalister di sini baru-baru ini adalah berlandaskan undang-undang.

Jelasnya, tindakan tersebut adalah berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang mana pemilik bangunan didapati menyalahi Akta Bangunan, Parit dan Jalan 1974 kerana tidak membuat permohonan terlebih dahulu.

"Seorang pengadu yang menggunakan nombor peribadi dan bertutur dalam Bahasa Malaysia menelefon saya pada hari Khamis lalu (18 Jun) mengenai struktur berkaitan.

"Saya kemudian membuat tinjauan dan mendapati struktur terbabit memang didirikan tanpa sebarang permohonan atau kebenaran daripada pihak MBPP.

"Saya kemudian mengarahkan Bahagian Pelesenan, Unit Iklan MBPP memberi notis secara lisan kepada pemilik bangunan untuk hentikan kerja. Serentak itu, Jabatan Bangunan MBPP turut mengeluarkan notis henti kerja.

"Namun, arahan-arahan tersebut tidak diendahkan dan struktur berkenaan siap sepenuhnya pada keesokan harinya (19 Jun)," katanya pada sidang media baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP, Syerleena Abdul Rashid, Dr. Tan Kim Hooi dan S. Sukumar.

Tambah Ah Teong, tindakan yang diambil bukan sesuatu yang 'pilih bulu' kerana penguatkuasaan terhadap struktur-struktur haram adalah prosedur biasa tanpa membabitkan Kerajaan Negeri mahupun parti politik.

"Sepanjang tahun lalu, sebanyak 290 struktur haram diambil tindakan oleh MBPP," jelas beliau.

Dalam pada itu, Syerleena turut mengulas dua kejadian pusat khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang disimbah cat merah baru-baru ini.



ONG Ah Teong (berbaju kemeja putih) sambil ditemani Syerleena Abdul Rashid (berbaju kurung) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Antara pusat khidmat yang terlibat adalah ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow yang juga Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir serta ADUN Komtar, Teh Lai Heng.

"Saya percaya 'serangan-serangan' ini ada kaitan dengan isu perobohan struktur ini.

"Saya ingatkan supaya jangan 'ganggu' pekerja-pekerja MBPP yang sentiasa komited dalam melakukan tugasan," tegas beliau.

# Gotong-royong bangun semula bandar Butterworth

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**
Gambar : **MOHD. FAIZ ABD. HALIM**

**BAGAN DALAM –** Sebagai usaha untuk memangkin pertumbuhan semula bandar Butterworth melalui kolabrasi dua hala antara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Think City Sdn. Bhd. (Think City), satu program gotong-royong dianjurkan bersama-sama Koperasi Peniaga-peniaga Rope Walk Bagan di sini baru-baru ini.

Penganjuran gotong-royong tersebut merupakan lanjutan dari aktiviti seumpama itu sebelum ini yang dijalankan di kawasan sekitar Jalan Pantai di bawah pelan Imej Baru Butterworth (IBB).

Menurut Penolong Pengarah Kanan Jabatan Khidmat Pengurusan MPSP, Normaira Abdul Rahman, penganjuran gotong-royong berkaitan merupakan salah satu program pengisian dalam pelan jangka masa panjang IBB.

"Kehadiran semua pihak pada hari ini mencerminkan suatu komitmen yang luhur dan sekaligus memupuk semangat cintakan kebersihan dan kehijauan.

"Untuk terus mencapai matlamat IBB, MPSP mempelawa pihak koperasi yang terlibat pada hari ini untuk menyertai program kitar semula bagi mengurangkan penghasilan sisa pepejal ke Pulau Burung," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Tambah Normaira, Think City akan mengeluarkan garis panduan pembangunan semula bandar Butterworth apabila kajian dan perancangan telah siap.

"Dengan adanya garis panduan ini, MPSP menaiktaraf bandar Butterworth melalui projek-projek infrastruktur untuk mengekalkan kesinambungan budaya, kerancakan ekonomi dan pembangunan lestari di sini," jelas beliau.

Dalam pada itu, pihak MPSP turut menyeru agar penduduk dan peniaga di kawasan sekitar bandar Butterworth dapat memberikan input untuk membangunkan kembali bandar terbabit melalui soal selidik yang dijalankan.

Data kajian yang diperoleh (dari soal selidik) kelak akan membantu pihak Kerajaan Negeri memahami keperluan masyarakat serta pandangan bagi kebaikan kawasan berkenaan.



DUA orang petugas MPSP bertungkus-lumus membersihkan kawasan sekitar Rope Walk Bagan pada penganjuran program gotong-royong di sini baru-baru ini.



SALAH seorang peserta gotong-royong memberikan input terhadap kajian Think City bagi membangunkan semula bandar Butterworth di bawah IBB.

# KM buka puasa di Kg. Bagan Buaya, bersejarah buat penduduk

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUNGAI BAKAP –** Kehadiran Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ke Majlis Berbuka Puasa Bersama-sama Penduduk Kampung Bagan Buaya di sini memperoleh sambutan di luar jangkaan baru-baru ini.

Setiausaha Surau Kampung Bagan Buaya selaku wakil penduduk, Mohd. Rodzi Souib ketika berucap menyifatkan bahawa kehadiran Ketua Menteri merupakan peristiwa bersejarah buat penduduk di sini.

"Selama 58 tahun negara merdeka, tidak pernah seorang pun Ketua Menteri datang melawat kampung ini, walaupun sudah dipimpin oleh empat orang sebelum ini.

"Kesudian Ketua Menteri meluangkan masa berbuka puasa di sini pada hari ini merupakan satu peristiwa bersejarah bagi penduduk Kampung Bagan Buaya," katanya pada Majlis Berbuka Puasa Bersama-sama Ketua Menteri di Gelanggang Sepak Takraw Kampung Bagan Buaya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti & Pengangkutan), Soon Lip Chee (ADUN Jawi) dan dua Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohd. Rizal Abd. Hamid dan H'ng Mooi Lye.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, beliau berasa amat bertuah kerana dapat memenuhi permintaan penduduk untuk melawat dan beramah-mesra bersama-sama mereka pada bulan yang mulia tersebut.

"Walaupun Ketua Menteri terdahulu tidak pernah menjenguk penduduk di sini, namun pada hari ini, bukan sahaja Ketua Menteri, malah Timbalan Speaker (DUN) dan Ahli Exco turut sama hadir untuk bersama-sama penduduk," ujar beliau.



SOON Lip Chee (barisan depan, dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima.



KETUA Menteri, Maktar Shapee (kiri sekali) dan Soon Lip Chee (barisan dua, kanan sekali) bergambar kenangan dengan penduduk dan ahli jawatankuasa penganjur Majlis Berbuka Puasa Ketua Menteri Bersama-sama Penduduk Kampung Bagan Buaya di sini baru-baru ini.

Menyentuh mengenai permintaan penduduk untuk mendapatkan sebuah dewan serbaguna di sini, Guan Eng memberitahu bahawa tapak cadangan dikemukan penduduk sebelum ini merupakan tanah rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Kerajaan Negeri tidak boleh membina bangunan di atas tanah rizab JPS, kerana ia menyalahi undang-undang, namun, Kerajaan Negeri akan terus membantu sehingga kampung ini ada dewan serbagunanya sendiri.

"Maksud bangunan adalah ianya tertutup, jadi mungkin tidak ada sebarang masalah sekiranya kita membina bumbung di atas gelanggang takraw ini dan menjadikan ia sebagai dewan serbaguna terbuka," ulas beliau.

Pada majlis tersebut, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan dan ADUN Air Putih turut menyerahkan hamper berisi makanan asas kepada beberapa penduduk terpilih dan mengagihkan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir.

## Lulus RM370,000 turap jalan, tuah penduduk Kg. Melayu




WONG Hon Wai (tengah), Syerleena Abdul Rashid (tiga dari kiri) dan Tan Hooi Peng (kiri sekali) bergambar kenangan dengan salah seorang peniaga Bazar Ramadan Kampung Melayu pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini mengumumkan berita gembira buat penduduk Kampung Melayu apabila sejumlah RM370,000 peruntukan telah diluluskan bagi kerja-kerja penurapan beberapa laluan utama di sini.

Menurut Hon Wai, projek penurapan jalan di Kampung Melayu menerusi peruntukan yang diluluskan adalah melibatkan Jalan Pisang Embun, Jalan Pisang Nangka, Jalan Pisang Raja, Jalan Pisang Emas dan Jalan Pisang Tanduk serta kawasan sekitarnya.

"Kerja-kerja penurapan telah dimulakan sejak hari kedua umat Islam berpuasa dan ia dijangka siap sepenuhnya menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Pastinya, projek ini merupakan 'duit raya' untuk penduduk di sini terutama ketika sanak-saudara serta rakan taulan datang dan berkumpul untuk meraikan hari raya nanti. Mereka pasti gembira kerana jalan telah diturap sempurna," katanya sejurus merasmikan Bazar Ramadan Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid dan Tan Hooi Peng serta ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu.

Pada majlis berkaitan, Hon Wai meluangkan masa kira-kira dua jam mengadakan lawatan ke semua 110 gerai jualan sambil mengedarkan apron buat peniaga-peniaga bazar.

Selain itu, pengunjung bazar turut menerima sumbangan buah kurma yang disampaikan oleh beliau, Syerleena dan Hooi Peng.

## Amal gotong-royong cegah denggi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PPK**

**TELUK BAHANG –** Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid komited memerangi penularan kes-kes denggi menerusi penganjuran Program-program Gotong-royong Komuniti dari semasa ke semasa di sini.

Terbaru adalah program gotong-royong bersama komuniti Sungai Pinang di sini yang dianjurkan secara bersama dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Pinang.

Menurut Halil Sabri, gotong-royong bukanlah amalan bermusim, sebaliknya perlu terus disemai dalam kalangan generasi masa kini.

"Umumnya, generasi muda kini kurang memahami erti sebenar amalan gotong-royong, kononnya memenatkan, tetapi apabila kes-kes denggi mula menular baru nak bergotong-royong, walhal, denggi mampu dibendung jika kita mengambil langkah-langkah awal," katanya yang turut serta menyertai program sehari suntuk itu di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis MBPP, Tan Chiew Choon dan Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain serta wakil-wakil dari Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya dan Pasukan Bomba dan Penyelamat Teluk Bahang.



HALIL Sabri Hamid (bertopi biru) bersama-sama Tan Chiew Choon (berbaju merah) turut serta memunggah dahan-dahan pokok yang dicantas pada Program Gotong-royong Komuniti Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Halil Sabri dalam pada itu memberitahu, Program Gotong-royong Komuniti kali ini turut melibatkan pelajar-pelajar dan ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah-sekolah berdekatan serta penduduk setempat.

Serentak itu, turut berlangsung adalah majlis penyerahan unit-unit tong sampah kitar semula kepada pihak sekolah yang hadir.



TONG-tong kitar semula diserahkan kepada wakil-wakil sekolah yang hadir.

# Pastikan juadah dijual selamat, bersih - ADUN



R.S.N. Rayer (dua dari kanan) dan Ramkarpal Singh (kanan sekali) bergambar kenangan dengan para peniaga salah sebuah gerai jualan ketika hadir mengedarkan sejumlah 200 helai apron di Bazar Ramadan Taman Tun Sardon dan Gelugor di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SERI DELIMA –** Peniaga-peniaga di bazar Ramadan diingatkan supaya sentiasa mengambil berat aspek kebersihan gerai jualan masing-masing selain memastikan juadah yang dijual adalah selamat untuk golongan pembeli.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer berkata, aspek kebersihan dan keselamatan makanan perlu diberi keutamaan setiap peniaga atau pengusaha makanan dan minuman.

"Hal ini penting untuk mengelak tanggapan negatif pengunjung sekiranya gerai jualan adalah kotor dan makanan sentiasa dihurungi lalat.

"Peniaga perlu mengambil berat isu kebersihan dan perlu memberi tanggapan yang baik terutama buat pengunjung luar yang datang ke bazar Ramadan untuk membeli juadah berbuka puasa.

"Selain itu, pengunjung juga perlu memilih dan membeli juadah yang bersih dengan kuantiti yang bersesuaian, jangan 'kelabu mata', jangan membazir, itu yang penting," katanya ketika hadir mengedarkan sejumlah 200 helai apron kepada para peniaga Bazar Ramadan Taman Tun Sardon dan Gelugor di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Rayer dan Ramkarpal dalam pada itu turut mengucapkan ucapan selamat berpuasa buat semua umat Islam dan berharap agar pengunjung bazar Ramadan merancang perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran makanan.



AKSI dan tanda bagus yang ditunjukkan salah seorang peniaga di Bazar Ramadan Taman Tun Sardon di sini.




# Bakat Si Cilik - Mewarna 2.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________________

Alamat: ______________________________

______________________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________________

No. Telefon : (Rumah) ______________ (Bimbit) : ______________

Emel: ______________________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Mac 2015 hingga 31 Julai 2015.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**